

13 FEBRUARI 2018

Mudarat kerjaya anak seni

Mudarat **kerjaya** anak seni

■ PENGASIH anggap syor AADK, SENIMAN serbu lokasi penggambaran agresif, kurang tepat

Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Langkah Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK) dan Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) mahu mengadakan operasi di lokasi penggambaran drama atau filem disifatkan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) sebagai agresif.

Presidennya Datuk Mohd Yunus Pathi berkata, tindakan itu dianggap bukan keputusan tepat bagi membantaras masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan artis tanah air.

Katanya, jika ada penggiat seni yang tertangkap, ada kemungkinan kerjaya seni

dan masa depan mereka musnah.

"Saya bukan menyokong penggunaan dadah terutamanya ganja dalam kalangan artis, tetapi lebih elok kalau mereka yang didapati positif ganja diberi kaunseling tanpa perlu dihadapkan ke mahkamah.

"Kalau kita lihat, proses bermula daripada ujian air kencing, tahanan di lokap, turun naik mahkamah. Ia satu proses yang panjang dan memakan kos tinggi.

"Lebih baik AADK gunakan pendekatan kaunseling dan berikan mereka rawatan sebagai pesakit, daripada membawa mereka ke mahkamah kecuali jika ia kes dadah berat sehingga membawa mudarat kepada orang lain.

"Saya kurang bersetuju



MOHD Yunus (depan) mengimamkan peserta program Latihan Memperkasakan Jati Diri Rumah Pengasih di Bukit Tunku, semalam.

dengan serbuan dan operasi di lokasi penggambaran, ia menjejaskan pengeluaran filem," katanya selepas majlis penutup program Latihan Memperkasakan Jati Diri Rumah Pengasih di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua Persatuan Mence-

gah Dadah Malaysia (PEMADAM) Kebangsaan Datuk Mohd Suhaimi Abdullah, Jumaat lalu. SENIMAN dan AADK bersetuju bekerjasama mengadakan operasi di set penggambaran bagi membantaras aktiviti penyalahgunaan dadah dalam ka-

langan artis.

Setiausaha Agung SENIMAN Mohd Hafiz Mohd Nafiah berkata, gejala penagihan dadah dalam kalangan artis dianggap sudah 'tahap kemuncak'. Justeru, langkah drastik perlu diambil bagi membersihkan imej mereka.

Mohd Suhaimi berkata, golongan artis perlu sedar tindakan mereka sentiasa menjadi ikutan.

"Kita galakkan mereka (artis) menyertai PEMADAM, bersama-sama turun padang berkempen dan beri penerangan bahaya dadah," katanya.

FAKTA
Proses ujian air kencing, tahanan di lokap, mahkamah ambil masa panjang, kos